

63377
MAHATHIR-SERU

1982

KUALA TERENGGANU, 9 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU GERAKAN KOPERASI DI NEGARA INI MENCANTOHI GERAKAN KOPERASI NEGARA-NEGARA SEBELAH TIMUR SELARAS DENGAN SERUAN KERAJAAN SUPAYA MEMANDANG KE TIMUR.

KATANYA, GERAKAN KOPERASI DI NEGARA INI HARUS JUGA MENDAPAT ORIENTASI BARU DARI TIMUR DI DALAM GERAKAN MEMAJUKAN KOPERASI MASING-MASING.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DI DALAM BUKU CENDERAMATA HARI KOPERASI ANTARABANGSA KE 60 PERINGKAT NEGERI INI YANG DILANCARKAN DI SINI OLEH AHLI EXCO NEGERI, WAN ZAKARIA ABDUL RAHMAN YANG MEWAKILI MENTERI BESAR, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD.

BELIAU BERKATA, PENGLIBATAN RAKYAT SECARA AKTIF DAN BERTANGGUNGJAWAB DENGAN BERLANDASKAN FALSAFAH KOPERASI YANG KUKUH DAN PROGRESIF AKAN DAPAT MENEGUHKAN ASAS SOSIAL DAN EKONOMI NEGARA.

+GERAKAN KOPERASI MEMPUNYAI POTENSI YANG BESAR DALAM USAHA-USAHA MEMAJUKAN SOSIO-EKONOMI RAKYAT DAN NEGARA MALAYSIA,+
TEGASNYA LAGI.

+INI TIDAK DAPAT TIADA AKAN MENJADI SUMBANGAN YANG BESAR KEPADA MASA DEPAN KITA YANG LEBIH CEMERLANG,+ TAMBAHNYA LAGI.
LAGI 1445/IB

MAHATHIR-SERU 2 KUALA TERENGGANU

SEMENTARA ITU MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR, DATUK BANUSI JUNID DI DALAM PERUTUSANNYA BERKATA, AHLI-AHLI KOPERASI HENDAKLAH SEDAR BAHAWA KOPERASI MEMPUNYAI PERANAN SERTA TANGGUNGJAWAB YANG PENTING DALAM MEMBANGUNKAN MASYARAKAT SERTA NEGARA.

KATANYA, KEGIATAN KOPERASI ADALAH UNTUK KEPENTINGAN BERSAMA SAMA SEKADAR MENCARI KESEMPATAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI. TAMBAH BELIAU, APA JUGA RANCANGAN UNTUK MASA DEPAN GERAKAN KOPERASI YANG LEBIH CEMERLANG YANG WAJIB BAGI KITA IALAH KERJASAMA DAN SEMANGAT YANG JUJUR SERTA GIGIH DEMI KEPENTINGAN BERSAMA.--
BERNAMA 1445/IB